

KATA BERIMBUHAN

KATA BERIMBUHAN: LATIHAN 1

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat berikut dengan perkataan berimbuhan yang betul. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

1. Ramli Arif telah menjadi seorang _____ yang popular.

(1) dinyanyi	(2) menyanyi
(3) nyanyian	(4) penyanyi ()

2. Semua murid dalam kelas kami sedang _____ karangan dengan senyap.

(1) ditulis	(2) menulis
(3) penulis	(4) tulisan ()

3. Jali _____ oleh ibu bapanya kerana lulus peperiksaan akhir itu.

(1) dipuji	(2) memuji
(3) pemuji	(4) pujian ()

4. Kakak saya mahu menjadi seorang _____ terkenal.

(1) dilukis	(2) lukisan
(3) melukis	(4) pelukis ()

5. Ibu basuh _____ yang kotor itu dalam mesin pencuci.

(1) memakai	(2) pakaian
(3) pemakai	(4) terpakai ()

6. Cikgu Azhar sedang _____ murid-muridnya Karangan.
 (1) ajaran (2) belajar
 (3) diajar (4) mengajar ()
7. Semua murid mesti tahu _____ semasa beli makanan di kantin sekolah.
 (1) beratur (2) diatur
 (3) mengatur (4) pengatur ()
8. Cik Zainab sudah siapkan _____ di atas meja.
 (1) dimakan (2) makanan
 (3) memakan (4) termakan ()
9. Ayah sedang _____ keretanya dengan cermat di jalan raya yang sibuk itu.
 (1) berpandu (2) dipandu
 (3) memandu (4) pemandu ()
10. Saya gunakan sebatang _____ lidi untuk bersihkan lantai di koridor.
 (1) disapu (2) menyapu
 (3) penyapu (4) tersapu ()
11. Pembunuh yang kejam itu telah _____ gantung oleh hakim mahkamah.
 (1) dihukum (2) hukuman
 (3) menghukum (4) penghukum ()

12. Ibu saya sedang _____ pakaian di koridor.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|----------|-----|
| (1) | dijemur | (2) | menjemur | |
| (2) | jemur | (4) | terjemur | () |
13. Nasi beriyani yang kami makan ini telah _____ oleh nenek saya.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|-----|
| (1) | dimasak | (2) | masakan | |
| (3) | memasak | (4) | pemasak | () |
14. Beribu-ribu orang telah _____ kerana penyakit SERS .
- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|-----|
| (1) | dibunuh | (2) | membunuh | |
| (3) | pembunuh | (4) | terbunuh | () |
15. Nordin bercita-cita untuk menjadi _____ bola sepak yang handal.
- | | | | | |
|-----|--------|-----|-----------|-----|
| (1) | dimain | (2) | bermain | |
| (3) | pemain | (4) | permainan | () |

KATA BERIMBUHAN: LATIHAN 2

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat berikut dengan perkataan berimbuhan yang betul. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

1. Murid-murid duduk dengan diam semasa pengetua sekolah sedang _____ di atas pentas.

(1) berucap	(2) diucap	
(3) mengucap	(4) ucapan	()

2. Nasi lemak yang sudah basi itu tidak boleh _____ lagi.

(1) dimakan	(2) memakan	
(3) pemakan	(4) termakan	()

3. Saya tolong ayah _____ tembok ruang tamu kami.

(1) bercat	(2) dicat	
(3) mengecat	(4) pengecat	()

4. Baju yang koyak-rabak itu tidak boleh _____ lagi.

(1) dipakai	(2) memakai	
(3) pakaian	(4) pemakai	()

5. Ramai murid suka _____ di gelanggang bola keranjang pada waktu rehat.

(1) bermain	(2) dimain	
(3) mainan	(4) pemain	()

6. Semua _____ di kebun sayurnya musnah kerana banjir besar itu.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|---------|
| (1) | ditanam | (2) | menanam | |
| (3) | penanam | (4) | tanaman | () |
7. Semua buku teks saya untuk tahun hadapan sudah _____.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|---------|
| (1) | balutan | (2) | dibalut | |
| (3) | membalut | (4) | pembalut | () |
8. Awang Setan telah ditangkap polis kerana _____ wang di rumah jirannya.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|---------|
| (1) | curian | (2) | dicuri | |
| (3) | mencuri | (4) | pencuri | () |
9. Encik Lim seorang _____ ikan di Pasar Gombak.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|---------|
| (1) | dijual | (2) | jualan | |
| (3) | menjual | (4) | penjual | () |
10. Badang _____ \$5.00 setelah petik buah kelapa di kebun jirannya.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|---------|
| (1) | diupah | (2) | beratur | |
| (3) | mengupah | (4) | pengupah | () |
11. Ibu saya sedang _____ baju kurung untuk kakak saya.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|---------|
| (1) | dijahit | (2) | jahitan | |
| (3) | menjahit | (4) | terjahit | () |

12. Tingkap-tingkap rumah saya _____ dengan langsir berwarna hijau.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|---------|
| (1) | dihias | (2) | hiasan | |
| (2) | menghias | (4) | penghias | () |
13. Encik Lim jual _____ panas dan sejuk di kantin sekolah saya.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|---------|
| (1) | diminum | (2) | meminum | |
| (3) | minuman | (4) | peminum | () |
14. Kami _____ bermain di dalam makmal komputer oleh Cikgu Zain.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|-----------|---------|
| (1) | dilarang | (2) | larangan | |
| (3) | melarang | (4) | terlarang | () |
15. Kami sedang _____ sampah-sarap yang bertaburan di sekitaran sekolah kami.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|---------|
| (1) | dipungut | (2) | memungut | |
| (3) | pemungut | (4) | pungutan | () |

KATA BERIMBUHAN: LATIHAN 3

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat berikut dengan perkataan berimbuhan yang betul. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalakawan sayam tanda kurung yang disediakan.

1. Buku-buku di rak-rak dalam perpustakaan sekolah kami _____ kemas.

(1)	menyusun	(2)	penyusun	
(3)	susunan	(4)	tersusun	()

2. Polis sedang menyiasat kes _____ yang berlaku di kedai emas itu.

(1)	dirompak	(2)	merompak	
(3)	perompak	(4)	rompakan	()

3. Makanan laut yang _____ di restoran baru itu ditanggung halal.

(1)	dijual	(2)	jualan	
(3)	menjual	(4)	penjual	()

4. Para _____ di dalam dewan itu bertepuk tangan mendengar nyanyian Saloha.

(1)	ditonton	(2)	menonton	
(3)	penonton	(4)	tontonan	()

5. Kami dilatih beberapa jenis _____ di sekolah kami.

(1)	ditari	(2)	menari	
(3)	penari	(4)	tarian	()

6. Sampah-sarap itu _____ ke dalam tong sampah.
- | | | |
|--------------|--------------|---------|
| (1) buangan | (2) dibuang | |
| (3) membuang | (4) pembuang | () |
7. Saya menyertai kumpulan _____ Melayu sebagai CCA di sekolah.
- | | | |
|------------|------------|---------|
| (1) ditari | (2) menari | |
| (3) penari | (4) tarian | () |
8. Hani sedang _____ ibunya memasak di dapur.
- | | | |
|--------------|--------------|---------|
| (1) bantuan | (2) dibantu | |
| (3) membantu | (4) pembantu | () |
9. Kami sedarjah akan ikut _____ ke Kampung Melayu di Geylang pada minggu hadapan
- | | | |
|-------------|-------------|---------|
| (1) dilawat | (2) lawatan | |
| (3) melawat | (4) pelawat | () |
10. Harta bendanya musnah kerana rumahnya _____ semalam tadi.
- | | | |
|--------------|--------------|---------|
| (1) dibakar | (2) membakar | |
| (3) pembakar | (4) terbakar | () |
11. Ayah saya terima dua keping kad _____ untuk majlis perkahwinan untuk hari Ahad depan.
- | | | |
|---------------|---------------|---------|
| (1) dijemput | (2) jemputan | |
| (3) menjemput | (4) penjemput | () |

12. Saya terpaksa _____ tangga untuk naik ke tingkat enam kerana lif rosak.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|---------|
| (1) | berguna | (2) | gunakan | |
| (3) | kegunaan | (4) | pengguna | () |
13. Pelbagai barang _____ di bazar di Geylang dalam bulan puasa.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|---------|
| (1) | dijual | (2) | jualan | |
| (3) | menjual | (4) | penjual | () |
14. Kasut sekolah saya yang sudah dibasuh itu _____ di bawah sinaran matahari.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|---------|
| (1) | dijemur | (2) | jemuran | |
| (3) | menjemur | (4) | penjemur | () |
15. Ayah beli sebuah alat _____ roti baru kerana yang lama sudah rosak.
- | | | | | |
|-----|-----------|-----|----------|---------|
| (1) | bakar kan | (2) | dibakar | |
| (3) | pembakar | (4) | terbakar | () |

KATA BERIMBUHAN: LATIHAN 4

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat berikut dengan perkataan berimbuhan yang betul. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

1. Bapa pengantin sedang _____ tetamunya.
 (1) disambut (2) menyambut
 (2) penyambut (4) sambutan ()

2. Adik saya yang kecil itu sangat sayang kereta _____ nya.
 (1) bermain (2) dimain
 (3) mainan (4) pemain ()

3. Tingkap-tingkap di ruang tamu kami _____ supaya angin boleh masuk.
 (1) terbuka (2) dibuka
 (3) membuka (4) pembuka ()

4. Saya sedang mencari _____ botol minuman saya yang terjatuh di bawah almari di dapur.
 (1) belajar (2) diajar
 (3) penutup (4) tertutup ()

5. Salimah murid yang _____ dan paling rajin dalam kelas kami.
 (1) dipandai (2) memandai
 (3) pemandai (4) terpandai ()

6. Abang saya sedang _____ dompetnya yang hilang itu di padang sekolah.

- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|---------|
| (1) | dicari | (2) | mencari | |
| (3) | pencari | (4) | tercari | () |

7. Dua orang _____ di bank itu telah ditembak mati oleh pegawai-pegawai polis.

- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|---------|
| (1) | dirompak | (2) | merompak | |
| (3) | perompak | (4) | rompakan | () |

8. Abang saya seorang _____ di sebuah politeknik.

- | | | | | |
|-----|----------|-----|---------|---------|
| (1) | belajar | (2) | diajar | |
| (3) | mengajar | (4) | pelajar | () |

9. Saya sedang _____ lantai rumah semasa nenek tiba.

- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|---------|
| (1) | cucian | (2) | dicuci | |
| (3) | mencuci | (4) | pencuci | () |

10. Saya tidak boleh baca _____ adik saya seperti cakar ayam lagi kotor itu.

- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|---------|
| (1) | ditulis | (2) | menulis | |
| (3) | penulis | (4) | tulisan | () |

11. Puan Bedah sedang _____ air pada pokok-pokok bunganya di koridor.

- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|---------|
| (1) | disiram | (2) | menyiram | |
| (3) | penyiram | (4) | tersiram | () |

12. Pelawak itu _____ para penonton dengan lawak jenakanya.
- | | | | | |
|-----|-----------|-----|-----------|-----|
| (1) | dihibur | (2) | hiburan | () |
| (3) | menghibur | (4) | penghibur | () |
13. Doktor Hamdi dibantu oleh dua orang _____ di kliniknya itu.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|-----------|-----|
| (1) | ditolong | (2) | menolong | () |
| (3) | penolong | (4) | tertolong | () |
14. Nasi lemak yang saya beli ini _____ dengan daun pisang.
- | | | | | |
|-----|------------|-----|------------|-----|
| (1) | bungkusan | (2) | dibungkus | () |
| (3) | membungkus | (4) | pembungkus | () |
15. Hussain Bolt seorang _____ terpantas di dalam dunia.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|-----|
| (1) | berlari | (2) | larian | () |
| (3) | pelari | (4) | terlari | () |

KATA BERIMBUHAN: LATIHAN 5

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat berikut dengan perkataan berimbuhan yang betul. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

1. Almari buku saya _____ di sudut bilik belajar saya.

(1) diletak	(2) meletak	
(2) peletak	(4) terletak	()

2. Beberapa orang yang bergaduh di pasar itu telah _____ polis.

(1) ditangkap	(2) menangkap	
(3) penangkap	(4) tangkapan	()

3. Ikan-ikan yang baru dibeli oleh ibu _____ di dalam peti ais supaya tidak rosak.

(1) disimpan	(2) menyimpan	
(3) penyimpanan	(4) simpanan	()

4. Kakinya luka kerana _____ kaca semasa bermain bola dengan berkaki ayam.

(1) dipijak	(2) memijak	
(3) pemijak	(4) terpijak	()

5. Datuk sedang _____ buah mangga di pokok itu dengan sebatang galah.

(1) dijolok	(2) menjolok	
(3) penjolok	(4) terjolok	()

6. Ahmad minta maaf kerana _____ kaki Ramli semasa bermain bola.
- | | | | | |
|-----|-----------|-----|------------|---------|
| (1) | ditendang | (2) | penendang | |
| (3) | tendangan | (4) | tertendang | () |
7. Dua orang _____ bank itu lari kan diri sebelum polis tiba.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|---------|
| (1) | dirompak | (2) | merompak | |
| (3) | perompak | (4) | rompakan | () |
8. Mereka sedang _____ buku dengan senyap di dalam perpustakaan itu.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|---------|
| (1) | bacaan | (2) | dibaca | |
| (3) | membaca | (4) | pembaca | () |
9. Kucing itu mati kerana _____ oleh budak nakal.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|---------|
| (1) | dipukul | (2) | memukul | |
| (3) | pemukul | (4) | pukulan | () |
10. Tiang lampu trafik itu bengkok kerana _____ sebuah lori .
- | | | | | |
|-----|------------|-----|-----------|---------|
| (1) | berlanggar | (2) | dilanggar | |
| (3) | melanggar | (4) | pelanggar | () |
11. Setiap pagi semua murid _____ untuk nyanyian lagu kebangsaan dan upacara menaikkan bendera.
- | | | | | |
|-----|-----------|-----|-----------|---------|
| (1) | berkumpul | (2) | kumpulan | |
| (3) | mengumpu | (4) | pengumpul | () |

12. Inti kuih tart ini boleh _____ daripada nanas atau epal.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|---------|-----|
| (1) | berbuat | (2) | buatan | |
| (3) | dibuat | (4) | membuat | () |
13. Pembantu rumah itu telah _____ lap semua tingkap di rumah itu.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|-----|
| (1) | disuruh | (2) | menyuruh | |
| (3) | penyuruh | (4) | suruhan | () |
14. Ibu saya gunakan _____ api untuk hidupkan api dapur sebelum memasak.
- | | | | | |
|-----|---------|-----|----------|-----|
| (1) | dipetik | (2) | memetik | |
| (3) | pemetik | (4) | terpetik | () |
15. Buah semangka itu telah _____ oleh ibu untuk kami sekeluarga.
- | | | | | |
|-----|----------|-----|----------|-----|
| (1) | dipotong | (2) | memotong | |
| (3) | pemotong | (4) | potongan | () |